

18/05/1999

130 firma mula operasi di Cyberjaya

MELAKA, Isnin - Sejumlah 130 firma sudah memulakan operasi di Koridor Raya Multimedia (MSC) di Cyberjaya manakala 201 lagi syarikat sudah diberikan status MSC.

Pengerusi Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Multimedia, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata 95 peratus daripada projek itu sudah disiapkan dan ia dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 9 Julai ini.

Katanya, lebih banyak syarikat yang terbabit dalam bidang perkakasan komputer, e-dagang, penerbitan dan penyelidikan akan menempatkan firma di situ.

Beliau berkata, empat universiti iaitu Universiti Tenaga Nasional, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia serta Universiti Virtual juga akan digabungkan di dalam koridor MSC.

"Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok adalah pusat pengajian tinggi pertama yang menerima status MSC," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Universiti Multimedia Telekom (UMMT), Compaq Computer Corporation dan Avid Technology Incorporated, di Bukit Beruang di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Compaq diwakili pengarahnya, Paul Blinkhorn; Avid diwakili Pengarah Ibupejabat Avid (Eropah), Simon Davies manakala Othman mewakili Othman.

Turut hadir isteri, Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden UMMT, Prof Ghauth Jasmon.

Menurut Othman, dengan status MSC itu, universiti berkenaan akan diberikan beberapa insentif, termasuk kebenaran menggunakan khidmat pakar asing.

Katanya, insentif lain yang disediakan ialah dikecualikan daripada cukai antara lima dan 10 tahun serta duti import terhadap peralatan multimedia yang dibawa daripada luar negara.

Othman berkata, Kabinet sudah bersetuju melanjutkan geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) mana-mana universiti yang sudah diberi status MSC.

"Buat masa ini, jumlah itu geran itu belum diputuskan. Di samping itu, pusat pengajian tinggi swasta digalakkan menyertai projek pembangunan MSC," katanya.

Melalui MoU itu, Compaq akan menaja beberapa penyelidikan ilmiah dan pengajian di peringkat doktor falsafah di Fakulti Multimedia Kreatif bernilai RM200,000 setahun.

Avid Technology juga akan menawarkan jumlah tajaan yang sama untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Kedua-dua firma itu akan bekerjasama dengan UMMT, terutama dalam pembangunan koridor pendidikan, pembelajaran serta R&D universiti berkenaan.

(END)